

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 24
SURAT

Kadar inflasi naik 1.3 peratus pada Ogos, harga makanan terkawal

24

Bisnes

Rabu, 24 September 2025

Kadar inflasi naik 1.3 peratus pada Ogos, harga makanan terkawal

Peningkatan kumpulan insurans, perkhidmatan kewangan antara faktor kenaikan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kadar inflasi Malaysia yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 1.3 peratus pada Ogos 2025, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ia didorong peningkatan lebih tinggi kumpulan insurans & perkhidmatan kewangan (5.6 peratus), penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (4.0 peratus), restoran & perkhidmatan penginapan (3.5 peratus), pendidikan (2.4 peratus), makanan & minuman (2.0 peratus), rekreasi, sukan & kebudayaan (0.9 peratus) dan hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.2 peratus).

Sementara itu, kumpulan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.2 peratus), kesihatan (1.1 peratus), lain-lain alkohol & tem

bakau (0.4 peratus) dan pengangkutan (0.2 peratus) menunjukkan peningkatan perlahan berbanding Julai 2025.

Sebagai tambahan, maklumat & komunikasi dan pakaian & kasut masing-masing kekal berada pada jajaran negatif iaitu -5.6 peratus dan -0.1 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata 59.7 peratus item atau 342 daripada 573 merekodkan kenaikan harga.

Namun begitu, katanya daripada jumlah berkenaan, 332 item (97.1 peratus) mencatatkan peningkatan kurang atau sama dengan 10 peratus, manakala hanya 10 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Ogos 2025.

"Baki sebanyak 165 item atau 32.3 peratus menunjukkan penurunan dan 46 item kekal tidak berubah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, kumpulan makanan & minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan jajaran IHP meningkat 2.0 peratus pada Ogos 2025 berbanding 1.9 peratus pada bulan sebelumnya.

Katanya, inflasi subkumpulan

makanan di luar rumah kekal dengan kadar 4.3 peratus seperti yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

"Manakala, makanan di rumah menurun kepada -0.1 peratus pada Ogos 2025. Ini disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan sayur-sayuran (-6.5 peratus), susu, produk tenusu lain & telur (1.4 peratus); buah-buahan & kacang (-0.7 peratus); bijirin & produk bijirin (-0.6 peratus) dan daging (-0.5 peratus)," katanya.

Namun begitu, beberapa kelas perbelanjaan menunjukkan peningkatan pada Ogos 2025 seperti ikan & makanan laut lain (2.3 peratus); minyak & lemak (1.4 peratus) serta gula, manisan & pencuci mulut (0.6 peratus)," katanya.

Sementara itu, inflasi bagi kumpulan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 1.2 peratus berbanding 1.3 peratus pada bulan sebelumnya.

Peningkatan ini didorong oleh subkumpulan elektrik, gas & bahan api yang menurun kepada -4.5 peratus pada Ogos 2025.

Penurunan pada subkumpulan ini adalah didorong oleh pengemaskinian kadar Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA) yang dikenakan ke atas

pelanggan domestik di Semenanjung Malaysia bagi penggunaan lebih daripada 600 kilowatt per jam (kWh), yang akan menerima rebat sebanyak 1.45 sen/kWh bagi tempoh 1 hingga 31 Ogos 2025 berbanding AFA pertama yang dikenakan pada tempoh 1 hingga 31 Julai 2025.

Tarif elektrik

Pengemaskinian ini mengurangkan purata nilai tarif elektrik berbanding tempoh sebelumnya.

Namun begitu, pengguna domestik dengan penggunaan 600 kWj dan ke bawah kekal tidak terjejas.

Inflasi kumpulan pengangkutan pula menyederhana kepada 0.2 peratus pada Ogos 2025.

Kedua-dua inflasi bahan api

petrol tanpa plumbum RON97 dan diesel masih kekal pada jajaran negatif iaitu masing-masing -9.2 peratus dan -5.7 peratus.

Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada Ogos 2025 ialah RM3.15 seliter berbanding RM3.47 seliter pada Ogos 2024 dan RM3.20 pada Julai 2025, manakala purata harga diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM2.90 seliter berbanding RM3.27 seliter pada Ogos 2024 dan RM2.89 pada Julai 2025.

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (3.2 peratus), Indonesia (2.3 peratus) dan Korea Selatan (1.7 peratus), namun lebih tinggi berbanding Thailand (-0.8 peratus) dan China (-0.4 peratus).



Mohd Uzir Mahidin

